

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Bakat menulis buku boleh singgah dalam kamus hidup sesiapa sahaja asalkan ada minat, kehendak, dan kesungguhan. Masing-masing mempunyai latarbelakang dan cerita yang tersendiri. Ada suri rumah, jururawat, pesara tentera, guru, editor, dan sebagainya. Tidak kira apa-apa pun kisah yang ditampilkan, realiti membuktikan banyak orang kini mula menyedari bakat serba boleh mereka dalam melakukan pelbagai perkara. Apabila mesej yang ditulis itu sampai dan memberikan kesan positive kepada kehidupan orang lain, di situ pula akan terbit kepuasan. Ada juga pembaca yang berterima kasih. Secara tidak langsung, motivasi diri akan terus meningkat untuk menulis buku lagi.

- (i) _____
- (ii) _____
- [2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti **setiap** kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Selepas berdua-dua kaki Naim sembuh, dia dapat menunggang basikal semula.
- _____
- (ii) Konsep layan diri di stesen minyak-stesen minyak di seluruh negara kita telah dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2008.
- _____
- [2 markah]